

MEMORANDUM BELANJAWAN 2021

SENARAI MEMORANDUM (DRAF)

Majlis Belia Malaysia

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
1	Jaringan Keselamatan Sosial	<p>Prospek ekonomi Malaysia diramal suram pasca pandemik Covid-19 dengan 93 peratus syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dijangka berdepan perniagaan tidak stabil dalam tempoh enam bulan.</p> <p>Pastinya ramai yang akan terkesan dengan situasi ini. Antaranya peniaga kecil yang banyak bergantung harap kepada jualan harian. Golongan ini memerlukan sokongan dan batuan luar untuk memastikan kelangsungan dalam kehidupan untuk menyara diri serta keluarga.</p>	BUKAN CUKAI: Penyelesaian berskala kecil dan tanpa birokrasi dilakukan dibawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama Persatuan Penduduk dalam proses penyaluran apa jua jenis bantuan.	05/06/2020 06:12:31 PM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
2	Kos Sara Hidup	<p>Pada masa ini, pendapatan isi rumah di Malaysia dilihat menunjukkan jurang yang begitu besar antara golongan berpendapatan tinggi dan juga berpendapatan rendah di mana sekurang-kurangnya 89 peratus dari populasi pekerja masih berpendapatan di bawah RM 5,000 sebulan, manakala lebih separuh berpendapatan kurang dari AS \$ 12,236 setahun yang menjadi penanda aras negara berpendapatan tinggi.</p> <p>Rakyat Malaysia kebanyakannya</p>	BUKAN CUKAI: Mereka yang di dalam senarai e-kasih automatik boleh menerima sebarang insentif dan bantuan. Jika sekarang, mereka masih perlu untuk memohon untuk mendapatkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN)	05/06/2020 05:49:33 PM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		<p>berpendapat bahawa pihak kerajaan perlu meneruskan pelbagai bantuan buat golongan berpendapatan rendah serta sederhana bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Bantuan-bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban kehidupan seharian mereka.</p> <p>Peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat saban tahun sememangnya cukup memeningkan golongan berpendapatan rendah serta sederhana.</p>			
3	Wanita	Pihak berwajib perlu bertindak pantas dengan langkah fiskal dan kewangan dalam reformasi struktur ekonomi dengan penekanan kepada peranan wanita. Pendekatan ini membawa perjuangan hak kemanusiaan bagi wanita yang dipadankan dengan nilai potensi produktiviti dan pulangan ekonomi.	BUKAN CUKAI: Segmen Wanita dijayakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan diupayakan oleh National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) sebagai sebuah badan yang mengumpulkan NGO-NGO wanita. Untuk langkah awal, fokus kepada kumpulan paling terkesan seperti ibu tunggal, warga emas, keluarga positif covid-19	05/06/2020 05:37:37 PM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shahrudin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
4	Penjagaan Kesihatan	Transisi cara kerja dan keadaan semasa memerlukan lebih banyak masa dan ruang untuk pekerja dan majikan beroperasi seperti biasa. Dengan insentif saringan kesihatan mental oleh kerajaan akan membantu komunikasi dan persediaan individu yang memerlukan bantuan dalam tempoh sukar.	BUKAN CUKAI: Pemberian Insentif Mental Health Check Up untuk majikan-majikan yang membuat saringan kesihatan mental kepada pekerja mereka pasca Covid19.	05/06/2020 04:10:05 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shahrudin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
					01111093018
5	Pertanian dan Keselamatan Makanan	Agenda kedaulatan makanan adalah satu inisiatif yang perlu dipertahankan dan diangkat dengan sebaik mungkin. Para belia yang muda dan bersedia untuk bekerja berat perlukan satu jaminan untuk masa depan mereka. Gaji siling akan menarik lebih ramai belia khususnya graduan dari sektor pertanian. Gaji tetap ini akan membantu mereka untuk memenuhi unjuran hasil yang wajar disediakan oleh kebun/ladangan mengikut hari dan bulan yang digariskan.	BUKAN CUKAI: Gaji Tetap untuk belia dalam pertanian	05/06/2020 04:07:00 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
6	Modal Insan	Pusat kerjaya di universiti tidak hanya perlu ditempatkan di dalam premis universiti. Boleh juga ditempatkan di syarikat mega/ korporat yang terkait secara langsung dengan karier pelajar agar mudah proses penempatan. Tempat tumpuan seperti pusat beli belah juga wajib mewujudkan Career Ads di mana satu tempat iklan pekerjaan untuk anak muda.	BUKAN CUKAI: Peruntukan dana kepada pusat penyelidikan dan pembangunan di IPTA/IPTS serta Pusat Kerjaya	05/06/2020 04:04:51 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
7	Belia	Kerajaan perlu umumkan secara dasarnya profesionalisme pekerja belia sebagai salah satu unit yang akan dikerahkan sebagai barisan hadapan dalam memulih upaya ekonomi negara. Setiap negeri/daerah dan lokaliti masing-masing perlu enable unit pekerja belia yang akan ketuk rumah ke rumah bagi membuat bancian dan penemptan pekerjaan dengn kadar segera.	BUKAN CUKAI: Profesionalisme Pekerja belia disenaraikan dalam karier barisan hadapan pasca Covid19	05/06/2020 03:58:02 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
8	Jaringan Keselamatan Sosial	Pekerja yang mengambil inisiatif tambah pendapatan melalui gig ekonomi masih	BUKAN CUKAI: Takaful Tribe : Skim Insuran Kepada	05/06/2020 03:53:25	Majlis Belia Malaysia

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		lagi belum dilindungi sebaiknya. Takaful tribe mengikut kelompok dapat menjaga kebajikan keluarga dan individu jika berlaku sesuatu insiden yang tidak bernasib baik.	Pekerja Gig Ekonomi/Ekonomi Lejang	AM	Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
9	Jaringan Keselamatan Sosial	Kebanyakan belia yang tidak bekerja dan mempunyai jaringan sosial perlu dilindungi di bawah skim kesihatan awam seperti PEKA. Penyakit kronik seperti kanser dan jantung tidak mengenal usia	BUKAN CUKAI: PEKA untuk insurans kesihatan dibuka kepada segmen umur belia juga	05/06/2020 03:51:06 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
10	Keusahawanan	Perniagaan merupakan satu sektor yang penuh dengan risiko untuk kerugian. Bantuan untuk memulakan perniagaan tanpa latihan dan mentor perniagaan akan menjerumus kepada bankrupsi dan tidak membantu ekonomi belia secara langsung mahupun tidak langsung.	BUKAN CUKAI: Program Keusahawanan kepada Graduan dan Belia perlu lebih banyak latihan dan bantuan konsultan perniagaan	05/06/2020 03:45:15 AM	Majlis Belia Malaysia Atiqah Syairah Shaharuddin Penolong Setiausaha Agung MBM mbm@belia.org.my 01111093018
11	Pendidikan	Malaysia bertuah kerana memiliki keanjalan bahasa yang begitu meluas. Kebertuahan ini sering kali mengundang peminggiran Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan jauh daripada arus perdana. Dikalangan orang muda, mereka lebih gemar menggunakan bahasa rojak atau bahasa slanga yang bersifat cool.	BUKAN CUKAI: Mewujudkan geran khas, inisiatif kepada kumpulan anak muda (bukan kepada kumpulan perdana) untuk menjayakan program melatih, memperluas pengukuhan bahasa Melayu rentas sempadan negara. Samada kepada NGO, syarikat yang menyediakan tenaga pengajar bagi berkhidmat mengajar BM	05/06/2020 03:12:26 AM	Majlis Belia Malaysia Muhamad Hanapi b. Jamaludin Felo Penyelidik MBM mbm@belia.org.my 0132818981

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		<p>Sedangkan kita percaya bahawa BM adalah alat perpaduan dan pengukuhan jati diri. Di peringkat ASEAN, ia menempati kedudukan seramai 300 juta penutur, yakni separuh daripada jumlah penduduk ASEAN. Namun, usaha untuk menjadikan BM sebagai bahasa pengantar masih terlalu jauh daripada mimpi.</p> <p>Apa yang berlaku sebenarnya? Iltizam, jati diri dikalangan para penuturnya di tanah air sendiri masih malap. Sedangkan kita percaya dengan hegemoni bahasa, ia juga akan membentuk pasaran ekonomi.</p> <p>Struktur BM di Malaysia menjadi model yang diikuti bagi Negara Brunei, Singapura, wilayah Selatan Thailand, Kemboja dan Vietnam yang menawarkan kursus BM. Namun, pengaruh Bahasa Indonesia semakin ketara khususnya di Selatan Thailand. Sedangkan daripada kemurnian, BM di Malaysia adalah lebih terpelihara.</p> <p>Pendekatan bahasa dan budaya adalah suatu strategi bersifat "soft power" untuk menyebarkan hegemoni Malaysia. Ini perlu digembleng dalam Belanjawan kerajaan.</p>	<p>kepada minoriti Melayu di Patani, Champa, Myanmar.</p> <p>Kerajaan juga disaran menyediakan bantuan one off untuk membiayai latihan guru-guru BM, tadika dan pondok di negara berkenaan untuk datang belajar BM secara intensif di sini melalui pengelolaan oleh mana-mana NGO dan syarikat.</p> <p>Juga kepada mereka yang bergiat membangunkan kandungan kreatif di media-media alternatif yang dapat mengajukan idea bernas terhadap matlamat memperkukuhkan penggunaan BM di kalangan rakyat tempatan.</p> <p>Insentif dalam bentuk honorium juga boleh diberikan kepada penulis dikalangan anak muda yang membangunkan syarikat dan menyediakan sistem pemasaran, perkhidmatan dalam BM sepenuhnya. Khususnya syarikat yang berkait dengan industri, teknologi dan media.</p> <p>Ini sebagai galakan kepada mereka untuk meluaskan nilai guna BM dalam sektor komersial. Rungutan daripada para pengkritik tentang BM yang tidak memiliki nilai komersial dibalas dengan meluaskan penggunaannya dalam domain berkenaan.</p>		

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
12	Pelancongan	<p>Pelancongan di Malaysia masih terperangkap dengan template captive mind. Kita menawarkan produk pelancongan tempatan tapi membungkusnya dengan plastik asing. Sebagai mithal, seni bina, musik, tataruang, perabot yang mengisi tempat pelancongan menggunakan elemen yang masih bernuansa asing khususnya barat. Hatta makanan.</p> <p>Beberapa peneraju pelancongan yang mahu keluar daripada amalan ini bahkan kekurangan idea. Sedangkan kita percaya bahawa pelancongan itu adalah menawarkan 'sesuatau yang baru' kepada pelancong. Bukan menawarkan hal yang sama mereka boleh dapatkan di kota tempat mereka datang, London, Paris, Rom, Korea dan lain-lain.</p> <p>Contoh, mengapa tidak pengendali sektor pelancongan menayangkan lagu-lagu keroncong, zapin, irama tradisional di ruang pelancongan mereka menggantikan lagu irama jazz, balada dimainkan di London?</p> <p>Jika tiada wadah, atau kekurangan idea, dipohon kerajaan masukkan dalam Belanjawan 2021 mengenai ini.</p> <p>Sayang jika pelancongan kita masih meniru-niru wajah asing sedangkan yang patut kita tampilkan adalah peribadi sendiri.</p>	<p>BUKAN CUKAI: Tiada tempat yang sesuai? Mungkin isunya hotel dimonopoli pelabur-pelabur luar yang lebih terkagum dengan budaya anglo-saxon. Maka, susah mereka menurut citarasa tempatan.</p> <p>Kerajaan harus menyediakan geran-geran merakyatkan pelancongan sosiobudaya dengan pembiayaan penuh terhadap inisiatif memulihara rumah-rumah tradisional yang hampir musnah terjual atau runtuh untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan yang menawarkan wajah tempatan.</p> <p>Pengisian dibangunkan oleh kumpulan profesional yang akan memberikan latihan. Contohnya, produk-produk kesenian tempatan diberikan nilai komersial untuk menarik minat anak muda, anak sekolah, orang kampung yang tinggal di kampung berlatih untuk ditampilkan ketika kedatangan pelancong.</p> <p>Falsafah berteraskan 'local wisdom' pada penyusunan tataruang, budi dan bahasa, tepak sirih, adab makan dizahirkan sebagai pelancongan pendidikan (edutourism).</p> <p>Sejarah tempatan didokumentasi, dikuliah dan disampaikan kepada pelancong. Ia bukan berformat homestay, tetapi lebih daripada itu sebagai muzium hidup (living museum)</p>	05/06/2020 02:45:17 AM	<p>Majlis Belia Malaysia</p> <p>Muhamad Hanapi b. Jamaludin Felo Penyelidik MBM mbm@belia.org.my 0132818981</p>

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
			<p>Cukuplah 1 atau 2 tempat dijadikan prototype. Dalam konteks ini, kami telah mencadangkan sebuah desa di Kampung Mertang, Negeri Sembilan untuk memulainya.</p> <p>Mohon kerajaan memandang dan memberikan perhatian pada perkara ini. Jika berjaya, ianya akan disalin dan dijayakan di kawasan lain.</p> <p>Dana permulaan RM 1.5 juta bagi satu projek.</p>		
13	Penjagaan Kesihatan	<p>Penglihatan normal sangat penting untuk menjalani kehidupan harian yang sempurna. Bagi golongan yang mempunyai masalah penglihatan seperti rabun mereka bergantung sepenuhnya kepada alat bantu melihat untuk mencapai kesempurnaan penglihatan ketika melakukan aktiviti kehidupan harian seperti bekerja , belajar , membaca ,memandu , bersukan dan lain-lain, yang lebih penting penglihatan sempurna menjamin Keselamatan diri dan orang lain.</p> <p>Kebergantungan golongan rabun kepada alat bantu melihat boleh dikatakan sepanjang hayat dan perbelanjaan untuk mendapat penglihatan yang baik tidaklah murah , apatah lagi jika masalah kerabunan ini dihadapi oleh seluruh ahli Keluarga terutamanya</p>	<p>BUKAN CUKAI: Memberi bantuan kepada B40 untuk menjalani pemeriksaan Kesihatan mata setiap tahun , juga bantuan alat bantu melihat seperti cermin mata atau kanta lekap</p> <p>Rebat cukai Pendapatan individu bagi pembelian alat bantu melihat seperti Cermin mata dan kanta lekap.</p> <p>atau</p> <p>Menambahkan cermin mata atau kanta lekap sebagai rebat cukai dibawah katogeri rebat cukai individu (Gaya hidup - Perbelanjaan untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak)</p>	05/06/2020 02:41:32 AM	<p>Majlis Belia Malaysia</p> <p>Muhamad Hanapi B. Jamaludin Felo Penyelidik MBM mbm@belia.org.my 0132818981</p>

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		kepada golongan berpendapatan rendah B40.			
14	Industri Kreatif	<p>Industri seni kreatif dikalangan belia tidak mendapat sokongan yang sepatutnya diberikan. Industri ini dapat diperkembangkan dengan lebih baik bagi membantu sektor ekonomi negara seperti pelancongan, pembuatan, dan perkhidmatan.</p> <p>Belia-belie yang terlibat dengan industri ini mengalami 3 masalah utama untuk perkembangan mereka iaitu Peralatan, Kemahiran Professional, dan Pengiklanan. Dalam erti kata lain, tiada landasan yang tepat untuk perkara tersebut .</p> <p>Projek ini bukan sahaja dapat membantu masalah tersebut namun ia juga dapat membantu belia-belie yang menganggur untuk berkerja atau sebagai pekerjaan alternatif kepada yang memerlukan dengan hanya menggunakan telefon pintar tidak kira dimana mereka berada.</p> <p>Projek pintar ini juga dapat mengelakkan siri penipuan yang terjadi antara belia kreatif yang telah memberikan perkhidmatan namun gagal mendapatkan bayaran.</p> <p>Implikasi projek seperti ini dapat menarik sokongan belia kepada usaha kerajaan.</p>	<p>BUKAN CUKAI: Pembangunan Apps pintar dan laman sesawang yang boleh diguna-pakai oleh belia-belie kreatif Malaysia untuk berkarya dan menjana pendapatan mengikut lokasi.</p> <p>Projek ini diberi nama ONIC yang menghubungkan klien dan juga belia. ONIC juga akan membantu memberikan peralatan (Software & Hardware) kepada mereka yang layak dan kelas mahir industri percuma melalui lawatan ke setiap institut pendidikan tinggi di Malaysia.</p> <p>Melalui ONIC, disasarkan sehingga 300,000 pekerjaan dapat dijana dengan nilai transaksi mencecah RM60,000,00 dalam tempoh 1 tahun antara belia dan klien.</p> <p>Peruntukan RM20 juta diperlukan bagi pembangunan apps, web, kelas mahir, bantuan peralatan, acara khas, logistik, overhead, server, pengiklanan, dan kos terlibat lain bagi melancarkan projek landasan pintar ONIC.</p>	29/05/2020 03:17:14 PM	<p>Majlis Belia Malaysia</p> <p>Mohammad Danial B. Mohamed Yusuf Exco Pekomik Mentor Rakan Muda Pemain Industri Kreatif (DIKN) avellenterprise@gmail.com 0196655007</p>
15	Warga Emas dan OKU	Persatuan Belia Pekak Selangor masih kekurangan dana kewangan untuk	BUKAN CUKAI: Kerajaan perlu beri bantuan kewangan	29/05/2020 03:13:13 PM	Majlis Belia Malaysia

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		program akan datang. Persatuan Belia Pekak Selangor tidak dapat melakukan suatu program tanpa belanjawan kukuh.	kepada persatuan belia pekak negeri supaya menyokong program persatuan akan datang.		MOHD SYAZWAN BIN KAMARUL BAHRIN Sekretariat MBM selangordeafyouth @gmail.com 0173672445
16	Pertanian dan Keselamatan Makanan	<p>Mewujudkan Ladang Belia Majlis Belia Malaysia (MBM) iaitu melalui kerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan negeri serta lain-lain agensi khususnya untuk membangunkan tanah terbiar milik Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS). KBS juga boleh memberikan maklumat berkenaan tanah terbiar yang belum ingin dibangunkan dalam masa terdekat untuk digunakan oleh belia dengan mewujudkan bank tanah di bawah kelolaan pihak KBS.</p> <p>Projek pertanian kelompok ini akan memberi manfaat kepada belia khususnya golongan belia menganggur di mana mereka akan mempelajari bagaimana untuk menghasilkan bekalan makanan kepada negara selaras dengan hasrat kerajaan dalam memastikan kedaulatan makanan negara terjamin.</p> <p>Projek fasa kedua ini juga boleh dilakukan dengan kerjasama Unit Agropreneur Muda di mana mereka mempunyai bajet khusus untuk bantuan sumber kewangan bagi membesarkan lagi projek yang telah sedia ada.</p>	<p>BUKAN CUKAI: Bajet permulaan untuk 20 peserta fasa pertama iaitu empat (4) peserta untuk setiap bidang contohnya tanaman bersayur seperti cili, sawi, terung, kangkung, bayam serta buah-buahan seperti tanaman Rock Melon serta tembikai.</p> <p>Jangka hayat tanaman ini adalah dari sebulan sehingga tiga bulan untuk mengeluarkan hasil dan boleh dipetik hasilnya sehingga enam bulan bergantung kepada jenis tanaman.</p> <p>Bagi memastikan usahawantani dapat memberikan sepenuh perhatian kepada projek yang diusahakan, Biro Pertanian dan Industri Asas Tani Majlis Belia Malaysia (PIAT MBM) sangat berharap agar peruntukan elaun untuk peserta perintis ini dapat diperuntukkan dalam lingkungan RM1,000.00 sehingga RM1,500.00 sebulan untuk lima bulan pertama.</p> <p>Bajet sekitar RM20,000.00 sehingga RM30,000.00 sebulan bagi elaun peserta bergantung kepada projek. Bagi</p>	21/05/2020 10:25:28 AM	<p>Majlis Belia Malaysia</p> <p>Abdul Hafeez Abdullah Exco MBM mbm@belia.org.my 0196141057</p>

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		<p>MBM amat berharap agar pihak KBS dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) akan bekerjasama untuk menyelaraskan elaun bantuan untuk 5 bulan pertama kepada setiap peserta projek pertanian berkelompok ini.</p> <p>Tujuan utama projek tanaman berkelompok ini adalah untuk membantu dalam penyediaan sumber bekalan makanan makanan negara kerana sebagai pewaris negara para belia perlu memikirkan bagaimana untuk mengeluarkan sendiri makanan untuk negara selaras dengan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian pada hari ini yang mampu memberi pulangan yang besar kepada usahawantani.</p>	permulaan untuk proses penyediaan tapak pula antara RM200,000.00 sehingga RM300,000.00 diperlukan bergantung kepada kerjasama dari agensi-agensi terlibat.		
17	Pendidikan	Bayaran yang dikenakan oleh pusat pendidikan awal kanak-kanak swasta tertentu tidak masuk akal. Kerajaan tidak boleh melepaskan perkara seperti ini. Sebaliknya menetapkan kadar untuk semua pusat pendidikan awal kanak-kanak.	BUKAN CUKAI: Ketetapan harga yuran untuk semua tadika / montessori / pusat pendidikan awal kanak-kanak. Semua pusat yang mengenakan bayaran tambahan, harus didenda.	21/05/2020 10:08:45 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
18	Wanita	Golongan wanita semakin ramai menjadi mangsa keganasan rumah tangga, samada dari luaran atau dalaman. Ini merupakan situasi tidak sihat yang akan mengakibatkan kesihatan mental seseorang individu itu akan terjejas. Kerajaan dilihat perlu memberi fokus untuk menghasilkan kaunselor / pakar psikologi dan pasukan tindak balas perubatan yang berkelayakan dan	BUKAN CUKAI: Penyediaan lebih banyak Pusat Bantuan (Help Centres) untuk kes keganasan rumah tangga	21/05/2020 10:03:08 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		diperakui untuk ditempatkan di pusat-pusat tersebut. Ini bagi membantu semua kes penderaan di negara ini. Malaysia mempunyai pendedahan yang sangat terhad mengenai perkara ini. Talian Kasih sahaja tidak mencukupi. Menangani manusia memerlukan persiapan dan rawatan yang lebih baik.			
19	Pendidikan	Sebilangan golongan B40 sukar menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana mereka tidak mampu menampung kos pembelian buku, pakaian seragam, pengangkutan atau yuran sekolah. Pertimbangan perlu dilakukan untuk menolong semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang identiti mereka dan memastikan mereka berjaya menyelesaikan sekurang-kurangnya pendidikan peringkat rendah melalui bantuan kewangan yang diberikan.	BUKAN CUKAI: Memberi kemudahan pembiayaan pendidikan percuma kepada golongan B40	21/05/2020 09:52:11 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
20	Wanita	Menutup jurang gaji jantina dapat meningkatkan kekayaan modal insan. Upah untuk lelaki dan wanita dengan kedudukan yang sama perlu menerima gaji yang sama. Kerajaan harus mengenakan undang-undang mengenai perkara ini terutama di sektor swasta dan pekerja kemahiran (skill worker).	BUKAN CUKAI: Menghapuskan diskriminasi pekerjaan dan perbezaan upah jantina di Malaysia	21/05/2020 09:43:12 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
21	Wanita	Parlimen Malaysia telah menunjukkan contoh hebat dari segi jumlah golongan wanita yang diberi peluang. Keadaan sebegini sebenarnya tidak sihat dan sangat mengecewakan bagi sebuah negara membangun. Tolong hilangkan idea 'mengisi kuota'! Sebaliknya, berikan peluang yang sama terutama	BUKAN CUKAI: Penyertaan tenaga kerja sama rata mengikut jantina	21/05/2020 09:38:31 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		kepada mereka yang berkelayakan.			
22	Pendidikan	Pendidikan seks perlu untuk mengurangkan kes seperti pengguguran, pembuangan bayi, pemerkosaan, kelahiran anak di bawah umur - mendidik anak lelaki dan perempuan mengenai kesihatan seksual sama pentingnya dengan memberikan pendidikan asas bagi mereka. Beri tumpuan kepada melatih pendidik agar mereka menjadi orang yang tepat untuk menyampaikan mesej kepada pelajar.	BUKAN CUKAI: Penerapan pendidikan seks di dalam modul kurikulum pendidikan negara	21/05/2020 09:28:16 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
23	Agihan Pendapatan	Memberi sokongan kewangan bulanan untuk ibu atau bapa tunggal mengikut kelayakan.	BUKAN CUKAI: Peruntukan RM5 juta bagi menyokong kepada mereka yang berhadapan dengan masalah di dalam menyara keluarga tanpa pasangan.	21/05/2020 09:13:29 AM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
24	Wanita	Menghasilkan sarjana sangat penting bagi negara yang sedang membangun. Sokongan wang untuk wanita yang layak yang ingin melanjutkan pelajaran dalam program Sarjana atau PhD adalah penting. Ini secara tidak langsung akan melahirkan warganegara intelektual dan pemimpin berkualiti dalam tenaga kerja.	BUKAN CUKAI: Peruntukan RM1 bilion dalam menyediakan biasiswa untuk Program Pascasiswazah khusus untuk golongan wanita	19/05/2020 03:16:31 PM	Majlis Belia Malaysia Kavita Maheendran Exco MBM mbm@belia.org.my 0172063607
25	Keusahawanan	Pada tahun 2018, kuota subsidi latihan diberikan kepada 80,000 rakyat Malaysia. Setelah kerajaan bertukar kuota itu dipotong kepada 60,000 rakyat Malaysia. Tahun 2019, kuota dipotong lagi ke 20,000 rakyat Malaysia. Tahun 2020, kuota eUsahawan basic (level 1) menjadi 15,000 sahaja. Memandangkan sekarang pengetahuan ekonomi digital	BUKAN CUKAI: Tingkatkan bajet dan kuota untuk program eUsahawan mikro.	19/05/2020 02:40:00 PM	Majlis Belia Malaysia Nurul Huda Mohamed Afandi Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0123112559

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
		sudah menjadi keperluan, bermakna lebih banyak rakyat Malaysia yang perlu dididik tentang teknik pemasaran atas talian.			
26	Ekonomi Digital	Pemeriksaan perkara dan keperluan Online Marketing @ Digital Ekonomi di kalangan belia luarbandar khususnya bagi menghadapi norma baru dan perubahan ekonomi pasca Covid 19.	BUKAN CUKAI: RM5 juta diperuntukkan bagi latihan "online marketing" bagi menjana pertumbuhan ekonomi setempat	19/05/2020 11:58:19 AM	Majlis Belia Malaysia Azuwan Marjan @ Norjan Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0168952047
27	Pendidikan	Membina atau menambah Institusi-institusi Latihan Kemahiran di Borneo melalui bidang yang bersesuaian dengan pasaran kerja dan perniagaan di sesebuah komuniti terbabit, sepertimana mewujudkan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Sabah & Sarawak.	BUKAN CUKAI: Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menambah dan menaiktaraf institusi kemahiran di Sabah dan Sarawak.	19/05/2020 11:55:22 AM	Majlis Belia Malaysia Azuwan Marjan @ Norjan Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0168952047
28	Belia	Menghidupkan semula program-program berteraskan kepada Kepimpinan seperti program Program Jati Diri Kenegaraan (PJKN) yang menggunakan kemudahan Pusat Latihan Khidmat Negara di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.	BUKAN CUKAI: Bajet minimum RM1 Juta secara bersiri.	19/05/2020 11:50:28 AM	Majlis Belia Malaysia Azuwan Marjan @ Norjan Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0168952047
29	Isu Sosial	Menjadikan Program-Program Silang Budaya diteruskan secara bergilir di kawasan Borneo seperti mana The Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP EAGA)	BUKAN CUKAI: Bajet sebanyak minimum RM 10.2 juta mengikut kawasan di kawasan borneo.	19/05/2020 11:48:15 AM	Majlis Belia Malaysia Azuwan Marjan @ Norjan Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0168952047

BIL	TOPIK	ISU	CADANGAN	TARIKH	AGENSI
30	Ekonomi Digital	Melestarikan Borneo dengan menjadikan Sabah, Sarawak & Labuan sebagai Hub Bandar Pintar Maya menerusi Internet Berkapasiti Tinggi.	BUKAN CUKAI: Memperuntukkan RM2.1 Billion sebagai permulaan dimana Sabah dan Sarawak masing-masing diberikan peruntukkan sebanyak RM1 billion dan Labuan RM100 Juta.	19/05/2020 11:43:08 AM	Majlis Belia Malaysia Azuwan Marjan @ Norjan Naib Presiden MBM mbm@belia.org.my 0168952047
31	Perkembangan Ekonomi	<p>Ekonomi global hari ini tersekat dalam situasi yang mencabar. Negara banyak bergantung kepada kemapanan ekonomi Amerika Syarikat. Negara cuma memiliki potensi eksport yang terhad, itu pun jika ada. Negara kita perlu segera mengatasi kelembapan ekonomi ini dengan memastikan terdapat penggunaan domestik yang mencukupi di peringkat bawahan.</p> <p>Dengan kejatuhan pantas nilai ringgit, inflasi import dijangka akan mengakibatkan kenaikan nilai matawang yang tinggi. Satu cara untuk memastikan bahawa penggunaan domestik tidak lumpuh adalah dengan kembalikan GST sekurang-kurangnya meletakkannya pada kadar sifar tiga peratus (3%).</p>	CUKAI: Tetapkan GST pada kadar sifar tiga peratus (3%)	19/05/2020 10:07:00 AM	Majlis Belia Malaysia Syed Osman Mohamed Exco MBM mbm@belia.org.my 0163813448